



مجلس بندرایا شاه عالم
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

selangorku

Talian Bebas Tol : 1800 88 4477
Tel : 03-5510 5133
Faks : 03-5510 8010
Portal Rasmi : www.mbsa.gov.my
E-mel : mbsa@mbsa.gov.my

**“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”
“PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA”**

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MBSA/PKS/100-12/143 (09)
Tarikh : 22 Mac 2017
23 Jamadilakhir 1438H

Pengerusi Majlis Peguam Selangor,
41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p : Encik A.G Kalidas)

Tel : 03-5519 6219
Faks : 03-5519 9037

Tuan/Puan,

**KEBENARAN SEMENTARA MELETAK KENDERAAN DI TEPI JALAN HADAPAN
KOMPLEKS MAHKAMAH NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya, hasil perbincangan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Parkir Kenderaan Di Sisian Jalan Hadapan Kompleks Mahkamah Negeri Selangor yang diadakan pada 15 Mac 2017 antara pihak Majlis, pihak Mahkamah dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah dirujuk.

2. Hasil perbincangan di dalam mesyuarat yang diadakan, pihak Majlis telah bersetuju memberi kebenaran sementara meletakkan kenderaan di tepi jalan dan masa yang ditetapkan di hadapan Kompleks Mahkamah Negeri Selangor. Walau bagaimanapun **KEBENARAN SEMENTARA** itu tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- i. Jalan Persiaran Pegawai sahaja.
- ii. Kenderaan hanya boleh diparkir di kiri dan kanan jalan sahaja.
- iii. Kenderaan tidak dibenarkan diparkir secara 'double line'.
- iv. Kenderaan tidak dibenarkan diparkir di laluan basikal.
- v. Kenderaan tidak dibenarkan diparkir di selekoh jalan.
- vi. Kenderaan tidak dibenarkan diparkir di atas kerb.

- *Kebenaran ini hanya diberikan dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja (Isnin hingga Jumaat). Tarikh kuatkuasa kebenaran sementara ini adalah pada **22 Mac 2017 (Rabu)**.*
- *Pihak Penguatkuasa MBSA dan PDRM berhak mengeluarkan kompaun sekiranya syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi.*
- *Pihak Majlis boleh membatalkan atau menarik balik kebenaran sementara ini pada bila-bila masa sahaja.*

3. Bersama-sama ini disertakan minit mesyuarat penyelarasan yang diadakan pada 15 Mac 2017 dan peta lokasi parkir kenderaan yang dibenarkan untuk makluman pihak Tuan/Puan.


**KEBENARAN SEMENTARA MELETAK KENDERAAN DI TEPI JALAN HADAPAN
KOMPLEKS MAHKAMAH NEGERI SELANGOR**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Khidmat Terbaik"

Saya yang menurut perintah,


(ABDUL HAKIM BIN HAJI MAHMUD)
Ketua Jabatan Penguatkuasaan
b/p. Datuk Bandar
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
AHM/mmm

- s.k : 1. Pengarah,
Mahkamah Negeri Selangor,
Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Pegawai,
Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p : Puan Rozilah Binti Salleh)
2. Ketua Polis,
Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam,
Persiaran Kayangan, Seksyen 9,
40000 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p : Ketua Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik)
- e.d : 1) Datuk Bandar
2) Timbalan Datuk Bandar
3) Pengarah Kejuruteraan
4) Pengarah Landskap
5) Ketua Bahagian Perundangan
6) Ketua Bahagian Pengangkutan Bandar

PELAN LOKASI DI JALAN PERSIARAN PEGAWAI, SEKSYEN 5, SHAH ALAM



Simpang Jalan (Kawasan yang Tidak dibenarkan parkir kenderaan)

Trek Basikal

Trek Basikal

Simpang Keluar

Simpang Masuk

KEBENARAN SEMENTARA tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- i. Kenderaan **DIBENARKAN** diparkir sepanjang Jalan Persiaran Pegawai sahaja (————)
- ii. Kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** diparkir secara 'Double Line'
- iii. Kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** diparkir di Laluan Basikal (.....)
- iv. Kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** diparkir di selekoh jalan (())
- v. Kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** diparkir di atas kerb (# # #)
- vi. Hari dan Waktu yang dibenarkan :-

Hari : Isnin hingga Jumaat
Waktu : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi